

**FOKUS UTAMA AUDIT
(KEY AUDIT AREA)**

PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA

- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

LATAR BELAKANG

1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah amaun sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima, berasaskan bil atau melalui dasar, perjanjian atau keputusan Kerajaan yang berkuat kuasa. ABT terdiri dari Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut serta Pelbagai ABT.

2. Pada 31 Disember 2023, kedudukan pelbagai ABT yang dilaporkan adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PELBAGAI ABT PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	JENIS PELBAGAI ABT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM JUTA)	2022 (RM JUTA)	RM JUTA	%
1.	Hasil	39,514.98	45,392.33	(5,877.35)	(12.9)
2.	Hutang-hutang Lain	3,058.70	2,682.58	376.12	14.0
3.	Faedah Pinjaman Boleh Dituntut	2,644.50	2,895.24	(250.74)	(8.7)
4.	Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut (selain MoF)	535.35	561.04	(25.69)	(4.6)
5.	Wang Pendahuluan Kontraktor	83.61	75.99	7.62	10.0
JUMLAH		45,837.14	51,607.18	(5,770.04)	(11.2)

Sumber: Penyata Laporan ABT Tahun 2023 dan 2022, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

3. ABT Hasil dilaporkan berjumlah RM39.515 bilion, menurun sejumlah RM5.877 bilion (12.9%) berbanding tahun 2022 berjumlah RM45.392 bilion. Punca penurunan tersebut adalah daripada **ABT Hasil Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)** yang merekodkan **penurunan ketara** sejumlah **RM5.794 bilion** (14.3%) kepada RM34.591 bilion. Perkara ini disebabkan oleh hapus kira yang berjumlah RM726.70 juta dan taksiran kurangan yang dibangkitkan pada tahun 2023.

KEDUDUKAN ABT LHDNM

4. Pada 31 Disember 2023, kedudukan ABT LHDNM yang dilaporkan adalah berjumlah RM34.591 bilion, menurun sejumlah RM5.794 bilion (14.3%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM40.385 bilion. ABT LHDNM tersebut adalah 75.5% daripada keseluruhan pelbagai ABT yang berjumlah RM45.837 bilion.

5. ABT LHDNM yang tertinggi adalah daripada Cukai Pendapatan Syarikat berjumlah RM22.775 bilion (65.9%). Butiran adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN ABT LHDNM SEHINGGA 31 DISEMBER 2023

BIL.	KOMPONEN CUKAI	RM BILION	%
1.	Cukai Pendapatan Syarikat	22.775	65.9
2.	Cukai Pendapatan Individu	10.217	29.5
3.	Cukai Pendapatan Petroleum	0.797	2.3
4.	Cukai Keuntungan Harta Tanah	0.799	2.3
5.	Duti Setem	0.003	0.01
JUMLAH		34.591	

Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

**Kedudukan
ABT LHDNM
Bagi Tempoh
2014 Hingga
2023**

6. Pada 31 Disember 2023, baki ABT LHDNM berjumlah RM34.591 bilion adalah selepas pengurangan berjumlah RM10.622 bilion dan hapus kira berjumlah RM726.70 juta serta pelarasan tambahan berjumlah RM5.555 bilion. Bagi tempoh 2014 hingga 2023, LHDNM telah membuat pengurangan sejumlah RM70.649 bilion dan **hapus kira sejumlah RM9.094 bilion**. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN ABT LHDNM
BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2023

BIL.	TAHUN	BAKI ABT PADA 1 JAN	PENGURANGAN	HAPUS KIRA	TAMBAHAN	BAKI ABT PADA 31 DIS
			TAKSIRAN KURANGAN, REMITAN, BAYARAN PUNGUTAN DAN GUAMAN SIVIL		DEBIT TAHUN SEMASA 31 DIS	
		RM JUTA	RM JUTA		RM JUTA	RM JUTA
		(a)	(b)	(c)	(d)	(e)=(a)-(b)- (c)+(d)
1.	2014	16,867.97	3,117.39	126.07	903.28	14,527.79
2.	2015	14,527.79	4,730.71	708.02	5,910.73	14,999.79
3.	2016	14,999.79	5,886.64	609.80	3,799.10	12,302.45
4.	2017	12,302.45	4,085.09	266.17	10,532.85	18,484.04
5.	2018	18,484.04	4,460.89	52.54	5,826.77	19,797.38
6.	2019	19,797.38	4,783.53	1,055.36	12,635.75	26,594.24
7.	2020	26,594.24	10,820.03	5,281.22	25,998.52	36,491.51
8.	2021	36,491.51	10,168.14	69.08	17,439.47	43,693.76
9.	2022	43,693.76	11,974.80	198.97	8,864.81	40,384.80
10.	2023	40,384.80	10,621.56	726.70	5,554.55	34,591.09
JUMLAH			70,648.78	9,093.93	97,465.83	

Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

7. Analisis lanjut mendapati peratusan ABT LHDNM berbanding kutipan hasil cukai langsung bagi tempoh 2014 hingga 2023 menunjukkan peratusan peningkatan antara 11.2% hingga 33.6%. Peratusan tertinggi adalah pada tahun 2021, iaitu 33.6%. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
ABT LHDNM BERBANDING HASIL CUKAI LANGSUNG

BIL.	TAHUN	BAKI ABT PADA 31 DISEMBER	HASIL CUKAI LANGSUNG	PERATUSAN ABT BERBANDING HASIL CUKAI LANGSUNG
		RM JUTA	RM JUTA	%
1.	2014	14,527.79	126,700.00	11.5
2.	2015	14,999.79	114,236.00	13.1
3.	2016	12,302.45	109,455.00	11.2
4.	2017	18,484.04	116,312.00	15.9
5.	2018	19,797.38	130,034.00	15.2
6.	2019	26,594.24	134,376.00	19.8
7.	2020	36,491.51	112,504.00	32.4
8.	2021	43,693.76	130,109.00	33.6
9.	2022	40,384.80	153,465.00	26.3
10.	2023	34,591.09	171,340.00	20.2
JUMLAH			1,298,531.00	

Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

8. ABT LHDNM telah menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2014 (RM14.528 bilion) hingga tahun 2021 (RM43.694 bilion). Pada tahun 2023, ABT LHDNM telah menurun sejumlah RM5.794 bilion (14.3%) berbanding tahun 2022. Penurunan ABT tersebut sebahagian besarnya disebabkan oleh taksiran kurangan. Pada tahun 2023, taksiran kurangan berjumlah RM6.976 bilion (65.7%) daripada keseluruhan pengurangan berjumlah RM10.622 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN ABT LHDNM BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2023

BIL.	TAHUN	ABT (RM JUTA)	PERUBAHAN ABT DARI TAHUN SEBELUMNYA	
			RM JUTA	%
1.	2014	14,527.79	-	-
2.	2015	14,999.79	472.00	3.2
3.	2016	12,302.45	(2,697.34)	(18.0)
4.	2017	18,484.04	6,181.59	50.2
5.	2018	19,797.38	1,313.34	7.1
6.	2019	26,594.24	6,796.86	34.3
7.	2020	36,491.51	9,897.27	37.2
8.	2021	43,693.76	7,202.25	19.7
9.	2022	40,384.80	(3,308.96)	(7.6)
10.	2023	34,591.09	(5,793.71)	(14.3)
PENINGKATAN ABT DARI TAHUN 2014 HINGGA 2023			20,063.30	

Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

Maklum balas LHDNM diterima pada 2 September 2024

Taksiran kurangan yang dibangkitkan oleh LHDNM adalah disebabkan oleh proses rayuan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 99, Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967).

Berdasarkan senarai 30 kes taksiran kurangan tertinggi dengan amaun berjumlah RM5.689 bilion (81.5% daripada amaun keseluruhan), punca taksiran kurangan yang dilakukan adalah seperti berikut:

- 16 kes melibatkan RM3.199 bilion (56.2%) disebabkan rayuan yang dikendalikan oleh Jabatan Resolusi Pertikaian, LHDNM;
- Lima kes melibatkan RM2.023 bilion (35.6%) disebabkan pindaan berdasarkan keputusan dasar di peringkat Kementerian Kewangan dan pengecualian cukai di bawah Subseksyen 127(3A), ACP 1967; dan
- Sembilan kes melibatkan RM0.467 bilion (8.2%) disebabkan oleh Perintah Pemutus di peringkat mahkamah.

Pengusiaan ABT LHDNM

9. Pengusiaan ABT LHDNM yang **melebihi enam tahun** berjumlah **RM18.852 bilion** (54.5%) daripada keseluruhan ABT LHDNM berjumlah RM34.591 bilion. Tindakan kutipan ABT LHDNM yang lewat diambil menyebabkan risiko kehilangan hasil Kerajaan Persekutuan pada masa hadapan dan hasil tidak dapat dibelanjakan mengikut tempoh yang sepatutnya. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
KEDUDUKAN PENGUSIAAN ABT LHDNM PADA TAHUN 2023

BIL.	TEMPOH	PENGUSIAAN ABT LHDNM	BERBANDING ABT LHDNM
		RM JUTA	%
1.	Kurang 1 Tahun	4,587.62	13.3
2.	1 Hingga 3 Tahun	3,221.15	9.3
3.	3 Hingga 6 Tahun	7,930.53	22.9
4.	Melebihi 6 Tahun	18,851.79	54.5
JUMLAH		34,591.09	

Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

Maklum balas LHDNM diterima pada 2 September 2024

Analisis ABT melebihi enam tahun sebanyak RM18.852 bilion mengikut peringkat tindakan adalah seperti berikut:

- a. RM8.944 bilion berada pada tindakan pemungutan termasuk RM8.534 bilion yang wujud Perintah Penangguhan (Judicial Review) oleh Mahkamah Tinggi atau wujud rayuan cukai pada peringkat Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan;
- b. RM9.687 bilion berada di peringkat guaman sivil yang mengambil tempoh masa yang panjang dari peringkat pendaftaran saman, mendapatkan penghakiman dan penguatkuasaan penghakiman; dan

- c. RM0.221 bilion berada di peringkat untuk cadangan hapus kira mengikut kategori seperti meninggal dunia, bankrap, meninggalkan Malaysia, penggulangan syarikat, syarikat tidak aktif/dipotong nama/bubar dan lejar tidak aktif melebihi enam tahun.

Hapus Kira Cukai Yang Diluluskan Bagi Tempoh 2014 Hingga 2023

10. Hapus kira ABT LHDNM yang diluluskan bagi tempoh 10 tahun (2014 hingga 2023) adalah berjumlah **RM9.094 bilion**, seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
HAPUS KIRA YANG DILULUSKAN BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2023


BIL.	TAHUN	HAPUS KIRA DILULUSKAN	PERUBAHAN	
		RM JUTA	RM JUTA	%
1.	2014	126.07	-	-
2.	2015	708.02	581.95	461.6
3.	2016	609.80	(98.22)	(13.9)
4.	2017	266.17	(343.63)	(56.4)
5.	2018	52.54	(213.63)	(80.3)
6.	2019	1,055.36	1,002.82	1,908.7
7.	2020	5,281.22	4,225.86	400.4
8.	2021	69.08	(5,212.14)	(98.7)
9.	2022	198.97	129.89	188.0
10.	2023	726.70	527.73	265.2
JUMLAH		9,093.93		

Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

11. Analisis Audit mendapati trend hapus kira menunjukkan peningkatan yang ketara sebanyak 400.4% pada tahun 2020 (2020: RM5,281.22 juta, 2019: RM1,055.36 juta). Peningkatan ini disebabkan oleh kelulusan hapus kira secara *one-off* berjumlah RM4.851 bilion (339,049 kes ABT) oleh Kementerian Kewangan (MoF) selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 17(b), Akta Tatacara Kewangan 1957.

12. Sehingga 31 Disember 2023, **amaun yang berjaya dikutip semula hanya berjumlah RM6.15 juta (0.08%)** daripada RM7.384 bilion cukai yang telah dihapus kira dari tahun 2018 hingga 2023.

13. Trend ABT LHDNM berbanding hapus kira bagi tempoh 10 tahun (2014 hingga 2023) adalah seperti dalam **Carta 1**.



Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

RUMUSAN

14. Secara keseluruhannya, penurunan ABT LHDNM disebabkan oleh taksiran kurangan dan hapus kira. Bagi tempoh 2014 hingga 2023, LHDNM telah membuat hapus kira ABT sebanyak **RM9.094 bilion**.

SYOR AUDIT

15. Pemantauan terhadap pengurusan ABT LHDNM perlu dipertingkatkan dengan menetapkan sasaran kutipan mengikut tahun tertunggak. Ini termasuk mengelak hapus kira terhadap tunggakan ABT LHDNM yang berusia melebihi enam tahun.

16. LHDNM perlu menambah baik proses kerja kutipan hasil bagi meningkatkan kecekapan kutipan dan mengurangkan tindakan hapus kira sebagai opsyen terakhir.

Maklum balas LHDNM diterima pada 2 September 2024

LHDNM sentiasa mengambil langkah proaktif dan melaksanakan tindakan pemungutan yang berkesan dalam pengurusan ABT.

a. Pelan Tindakan Pemungutan

LHDNM menyediakan hala tuju dan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator [KPI]) tindakan pemungutan tahunan melalui arahan, pekeliling dan memo dalaman. Sasaran KPI berhubung tindakan pemungutan melibatkan bilangan kes dan amaun ABT yang ditetapkan adalah dibentang, dilulus dan dipantau oleh Mesyuarat Lembaga LHDNM.

b. Pemantauan

Prestasi pencapaian KPI sentiasa dipantau di peringkat atasan melalui Mesyuarat Lembaga LHDNM, mesyuarat pengurusan atasan di Ibu Pejabat dan LHDNM Negeri/Cawangan Khas.

c. Penambahbaikan Akan Datang

Perluasan pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate) sebagai suatu kewajipan dalam pengemukaan bidaan kontrak bekalan Kerajaan Persekutuan yang kini diwajibkan di peringkat Persekutuan juga dijangka akan memberikan impak positif kepada pematuhan cukai. Ia akan diperluaskan kepada bidaan kontrak perolehan kerja dan dijangka turut diperluaskan liputan ke peringkat negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Pembayar cukai yang mempunyai tunggakan perlu membayar tunggakan cukai mereka bagi mendapatkan Sijil Pematuhan Cukai "PATUH". Ini akan turut meningkatkan kutipan selain memastikan hanya pembayar cukai yang patuh kepada peruntukan cukai sahaja akan memperoleh kontrak bidaan Kerajaan Persekutuan.